



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 26

20hb Disember 2001

*TAMBAHAN No. 15
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 43.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL PERLESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN
PERINDUSTRIAN (MAJLIS PERBANDARAN KLANG) (PINDAAN) 2001**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102(s) dan seksyen 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Klang membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, Undang-Undang kecil yang berikut: *Akta 171.*

1. Undang-Undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Klang) (Pindaan) 2001.** Nama.

2. Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Klang) 1987 yang disebut "Undang-Undang Kecil ibu" dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam Undang-Undang kecil 2 dengan memasukkan selepas takrif "perniagaan" takrif yang berikut: Pindaan Undang-Undang Kecil 2. Sel. P.U. 33/87.

‘ ‘Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Majlis Perbandaran Klang atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis untuk mengeluarkan lesen oleh Majlis;’.

3. Perenggan 3(1) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Pihak Berkuasa Melesen”. Pindaan Undang-Undang Kecil 3.

Bertarikh 29 November 2001.

[MPK/BU/22/81; PU. Sel. Am 0160/3/K.]

MOHD SHARIF BIN YUSOF,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Klang

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF TRADES, BUSINESSES AND INDUSTRIES (KLANG MUNICIPAL COUNCIL) (AMENDMENT) BY-LAWS 2001

Act 171. IN exercise of the powers conferred by the section 102(s) and 102A of the Local Government Act 1976, the Klang Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the aforesaid Act, the State Authority hereby confirms, the said by-laws:

Citation. 1. These by-laws may be cited as the **Licensing of Trades, Businesses and Industries (Klang Municipal Council) (Amendment) By-Laws 2001.**

Amendment of by-law 2. Sel. P.U. 33/87. 2. The Licensing of Trades, Businesses and Industries (Klang Municipal Council) By-Laws 1987 which in these by-laws are referred to as the “principal By-Laws” is amended in by-laws 2 by inserting immediately after the interpretation of “licensee” the following interpretation:

‘ “Licensing Authority” means the Klang Municipal Council or any officer authorized in writing to issue licence by the Council;’.

Amendment of by-law 3. 3. Paragraph 3(1) of the principal By-Laws is amended by substituting for the word “Council” the words “Licensing Authority”.

Dated 29 November 2001.

[MPK/BU/22/81; PU. Sel. Am 0160/3/K.]

MOHD SHARIF BIN YUSOF,
President,
Klang Municipal Council

Sel. P.U. 44.

ENAKMEN KANUN PROSEDUR MAL SYARIAH SELANGOR 1991

KAEDAH-KAEDAH TATACARA MAL (SULH) SELANGOR 2001

En. 7/91. PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 254 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor 1991, Ketua Hakim Syarie membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa. 1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001** dan hendaklah dianggap telah mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 2001.

En. 4/84. (2) Kaedah-kaedah ini tidak terpakai bagi sesuatu permohonan untuk mendapat penceraian di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 84, dan prosiding selanjutnya berkenaan dengannya hendaklah dijalankan mengikut Enakmen itu.

2. Dalam Kaedah-kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Enakmen” ertinya Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor 1991; En. 7/1991.

“Pendengaran” ertinya apa-apa prosiding dalam Mahkamah terbuka atau dalam Kamar;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Majlis Sulh yang disebut dalam perenggan 5(1);

“Pegawai awam” termasuklah Pendaftar, Pegawai Syariah dan seseorang Pegawai Undang-Undang yang dilantik di bawah seksyen 3(2) Akta Bantuan Guaman 1971. Akta 261.

3. Jika selepas menerima sesuatu saman atau permohonan bagi apa-apa kuasa tindakan, Pendaftar berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi penyelesaian antara pihak-pihak kepada tindakan itu, Pendaftar hendaklah— Penetapan tarikh Sulh.

- (a) tidak menetapkan tarikh perbicaraan tindakan itu dalam tempoh tiga bulan;
- (b) dengan seberapa segera yang praktik menetapkan tarikh bagi pihak-pihak mengadakan sulh; dan
- (c) menyampaikan notis kepada pihak-pihak mengenai tarikh yang ditetapkan itu.

4. Jika ada mana-mana pihak telah disampaikan notis di bawah perenggan 3(c) tidak hadir pada hari yang ditetapkan, ketidakhadiran itu hendaklah menjadi suatu penghinaan Mahkamah dan Bahagian XXX Enakmen hendaklah terpakai kepadanya. Ketidakhadiran pihak-pihak, dsb.

5. (1) Sulh hendaklah diadakan dalam suatu Majlis yang dihadiri oleh kedua-dua pihak dan dipengerusikan oleh Pendaftar atau mana-mana pegawai awam yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie bagi maksud itu. Tatacara Sulh.

(2) Dalam Majlis Sulh, pihak-pihak hendaklah hadir sendiri dan tiada Peguam Syarie boleh hadir bagi sesuatu pihak dan tiada sesuatu pihak boleh diwakili oleh seorang lain tanpa kebenaran Pengerusi.

(3) Pengerusi hendaklah di mana-mana mungkin membantu pihak-pihak untuk mencapai penyelesaian dalam pertikaian yang menjadi hal perkara sulh tersebut hendaklah memberi peluang untuk didengar, boleh mengambil keterangan daripada pihak-pihak itu, menerima apa-apa dokumen yang dikemukakan dan boleh, jika difikirkan perlu, menangguhkan Majlis itu dari semasa ke semasa.

6. Jika kedua-dua telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan tindakan itu, keseluruhan atau sebahagian, Pengerusi hendaklah menyediakan draf persetujuan dan mengemukakannya kepada pihak- Penghakiman Pengakuan atau Persetujuan.

pihak untuk disahkan dan ditandatangani dan, selepas itu Pengerusi hendaklah menyampaikan draf persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman atau pengakuan atau persetujuan, mengikut mana yang berkenaan di bawah seksyen 88 Enakmen.

Jika tiada
persetujuan dsb.

7. Jika Majlis Sulh itu tidak dapat menyelesaikan pertikaian yang menjadi hal perkara sulh itu dengan memuaskan hati kedua-dua pihak itu, pengerusi hendaklah melaporkan kepada Mahkamah tentang hal sedemikian dan boleh melampirkan kepada laporannya apa-apa nota yang dicatatnya dan membuat apa-apa syor yang difikirkannya patut berkenaan dengan tuntutan itu.

Perbicaraan.

8. Mahkamah yang menerima laporan di bawah seksyen 7 hendaklah menetapkan tarikh pendengaran bagi meneruskan prosiding bagi menyelesaikan kes itu.

Tiada Kos.

9. Tiada apa-apa kos boleh dibenarkan bagi prosiding dalam Majlis Sulh ini.

Dibuat pada 24 September 2001.
[PU. Sel. AGM/0011/1.]

KETUA HAKIM SYARIE,
Mahkamah Syariah Selangor

ENACTMENT SYARIAH CIVIL PROCEDURE CODE

SYARIAH COURT CIVIL PROCEDURE (SULH) SELANGOR RULES 2001

En. 7/91.

IN exercise of powers conferred by section 254 of the Enactment Syariah Civil Procedure Code Of Selangor, the Chief Syarie Judge of Selangor makes the following rules:

Citation and
commencement.

1. (1) These rules may be cited as the **Syariah Court Civil Procedure (Sulh) Selangor Rules 2001** and shall be deemed to have come into operation on 1 August 2001.

En. 4/84.

(2) These rules shall not apply to an application for divorce under the Islamic Family Law of Selangor and further proceeding in respect thereof shall be conducted in accordance with that Enactment.

Interpretation.

2. In the Rules, unless the context otherwise requires—

En. 7/1991.

“Enactment” means the Enactment Syariah Court Civil Procedure of Selangor;

“Chairman” means a chairman of the Majlis Sulh mentioned in paragraph (5)(1);

“hearing” means any proceeding in upon Court or in Chambers;

“public officer” includes the Registrar and an officer appointed under section 3(2) of Legal Aid Act 1971.

3. Where, after receiving a summons or an application for any cause of action, the Registrar is of the opinion that there is reasonable possibility of settlement between the parties to the action, the Registrar shall—

Fixing date of sulh.

- (a) not fix the date for the trial of the action within the period of three months;
- (b) fix a date, as soon as practicable, for the parties to hold sulh; and
- (c) serve the notice of the date fixed for sulh on the parties.

4. Where any party in respect of whom a notice under paragraph 3(c) has been served, fails to appear on the date fixed for sulh, such absence shall be treated as a contempt of court and Part XXX of the Enactment shall apply thereto.

Non appearance of parties, etc.

5. (1) Sulh shall be conducted in a Majlis where parties to the action are present and such Majlis shall be chaired by a Registrar or any public officer appointed for such purpose by the Chief Syarie Judge.

Procedure for Sulh.

(2) In a Majlis Sulh, every party shall appear in person and no Peguam Syarie may appear or act as such for any party and no party shall be represented by any person without the leave of the Chairman.

(3) The Chairman shall, where possible, render his assistance to the parties to resolve the dispute concerning the subject matter of the sulh and shall give each of them an opportunity of being heard, take the evidence from such party, accept any documents submitted and may, if he thinks necessary, adjourn the Majlis from time to time.

6. Where the parties have reached an agreement to settle the action wholly or in part, the chairman shall prepare a draft agreement and submit it to the parties for their confirmation and signature and, thereafter the Chairman shall transmit such draft agreement to the Court to be recorded as a judgment by confession or consent, as the case may be, under section 88 of the Enactment.

Judgment by confession or consent.

7. If the Majlis Sulh is unable to resolve the dispute concerning the subject matter of the sulh to the satisfaction of the parties, the Chairman shall prepare a report to the effect to the Court and may append to this report any note and make such recommendations as he thinks fit regarding the action.

Where there is no resolution etc.

Hearing. 8. The Court which has received a report under section 7 shall fix a date for hearing to continue the proceeding for the purpose of disposing the case.

No cost. 9. No costs shall be charged for Majlis Sulh proceedings.

Made 24 September 2001.
[PU. Sel. AGM/0011/1.]

CHIEF SYARIE JUDGE,
Syariah Court of Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA